

“ANUGERAH SUKAN NEGARA 2013”

19/05/2014

STADIUM JUARA, BUKIT KIARA

Yang Berhormat Encik Khairy Jamaluddin,
Menteri Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Datuk M Saravanan,
Timbalan Menteri Belia dan Sukan,

Yang Berbahagia Datuk Jamil Salleh,
Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Sukan Negara 2013

Yang Amat Mulia Tuanku Tan Sri Imran Ibni Tuanku Jaafar,
Presiden Majlis Olimpik Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr Halim Shafie,
Pengerusi Telekom Malaysia Berhad,

Yang Berhormat Exco-Exco Belia dan Sukan Negeri-Negeri,

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara,

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk Dan Datin-Datin,

Ahli-Ahli Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Sukan Negara 2013,

Pegawai-Pegawai Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan,

Para Jemputan, Para Atlet, Pihak Penaja,

Wakil-Wakil Media Massa,

dan seterusnya para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas penghormatan menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Anugerah Sukan Negara bagi tahun 2013 pada malam ini. Upacara anugerah sukan negara yang berprestij ini telah diperkenalkan sejak tahun 1966 dan merupakan satu penghormatan serta pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada atlet, pegawai dan jurulatih yang telah melakar kecemerlangan di persada sukan antarabangsa, sekaligus mengharumkan nama negara di mata dunia.

Tidak dinafikan, bidang sukan negara semakin jauh berkembang dan menampakkan kemajuan yang membanggakan hasil daripada kecemerlangan yang dicipta oleh atlet-atlet kita di pentas antarabangsa sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sekarang rakyat Malaysia berbangga kerana mempunyai dua jaguh dunia iaitu Dato' Lee Chong Wei dalam sukan badminton serta Dato' Nicol David menerusi sukan skuasy. Tahun lalu juga, jaguh bina badan kita, Sazali Abdul Samad dinobatkan sebagai Mr Universe buat kali ke sembilan selain atlet paralimpik negara, Mohd Ziyad Zolkifli menduduki ranking nombor satu dunia apabila memenangi emas di kejohanan IPC Para Athletics World Championship di Lyon, Perancis, Ogos 2013 menerusi acara lontar peluru F20.

Namun segala kejayaan yang dicipta oleh atlet-atlet ini bukanlah satu usaha yang mudah. Ia memerlukan kesungguhan, komitmen, disiplin dan semangat kental atlet untuk mampu bersaing di peringkat tertinggi sukan antarabangsa. Dalam era dan cabaran yang begitu getir sekarang, elemen-elemen lain juga diperlukan bagi memastikan kejayaan seseorang atlet termasuk dari segi program persediaan yang komprehensif dan terperinci, khidmat sokongan sains dan perubatan sukan terkini, pegawai dan jurulatih yang profesional serta sumber kewangan.

Dalam konteks ini, kerajaan sentiasa komited terhadap usaha memajukan sukan tanah air kerana ia bukan sahaja berjaya menaikkan imej Malaysia menerusi kecemerlangan atlet kita di pentas antarabangsa, tetapi sukan juga menjadi wadah terbaik dalam penyatuan pelbagai kaum, bangsa dan agama di

negara ini. Kerajaan juga bukan sahaja menumpukan perhatian kepada sukan berprestasi tinggi sahaja tetapi juga secara menyeluruh membabitkan semua peringkat umur dan masyarakat menerusi program-program sukan massa.

Walaupun Kementerian Belia dan Sukan dipertanggungjawabkan secara khusus dalam pembangunan sukan tanah air, kerajaan secara amnya amat komited terhadap usaha berkenaan terutama penekanan terhadap pentingnya sukan di kalangan generasi muda. Ini terbukti apabila Kementerian Pendidikan juga terbabit dalam usaha untuk melahirkan atlet-atlet berbakat di peringkat akar umbi untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa satu hari nanti. Selain itu, bidang sukan juga merupakan antara landasan terbaik dalam usaha membangunkan modal insan yang cergas, kreatif, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang kukuh demi memastikan kelangsungan keutuhan sesebuah negara. Sehubungan itu, bagi memastikan matlamat tersebut dapat direalisasikan, bidang sukan perlu menyediakan peluang penyertaan dan penglibatan yang seluas-luasnya kepada golongan muda yang merupakan pewaris kepimpinan negara di masa hadapan. Justeru, usaha bagi menyemarakkan kembali kegiatan sukan di sekolah telahpun dimulakan melalui pelaksanaan dan pengukuhan dasar satu murid satu sukan pada tahun 2011 yang bertujuan untuk memastikan penglibatan setiap murid dalam aktiviti sukan di sekolah, menerapkan nilai-nilai sukan di kalangan seluruh warga sekolah, serta mengembalikan sekolah sebagai institusi utama untuk melahirkan bakat-bakat sukan dari peringkat akar umbi.

Dasar satu murid satu sukan mendokong dasar sukan untuk semua, di mana dasar ini menitikberatkan penglibatan semua murid dalam pelbagai aktiviti dan peringkat sukan. Dasar ini dibentuk atas rasional segala kegiatan sukan adalah sebahagian daripada transformasi pendidikan yang diusahakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sukan seharusnya mendapat pengiktirafan, sokongan dan galakan yang sama sebagaimana juga yang diberikan kepada aspek-aspek yang lain seperti mata pelajaran akademik dan kegiatan kokurikulum supaya dapat melahirkan murid yang seimbang dari segi kesejahteraan minda dan jasmani. Dasar ini juga menyumbang kepada penggalakan pertandingan yang sihat, semangat muhibah, kesefahaman, toleransi dan meningkatkan nilai moral dan fizikal yang memberi satu landasan

yang betul dalam mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik kepada satu bangsa yang bersatu padu serta memupuk semangat cintakan negara. Dasar satu murid satu sukan dapat memberi peluang secara menyeluruh kepada semua murid melibatkan diri dalam sukan secara lebih terurus dan terancang serta mengimbangkan fokus atau penekanan dalam melahirkan modal insan secara holistik ke arah pembinaan masyarakat Malaysia yang berdaya saing tinggi.

Bagi memastikan sukan tanah air terus berkembang, pihak-pihak yang terbabit juga harus bekerjasama erat dengan kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan bagi memastikan semua perancangan berjalan sempurna dan lancar. Adalah diharapkan agar persatuan-persatuan sukan kebangsaan selaku pengendali, pentadbir dan pemacu sukan-sukan kita, bergerak dan bertindak secara profesional dengan komitmen yang tinggi bagi memajukan sukan negara. Sukan kini sudah menjadi satu industri global yang besar dengan nilai komersial yang tinggi tetapi jika pemikiran pemimpin sukan kebangsaan masih di takuk lama, ianya akan membantutkan usaha kerajaan untuk memastikan kita mampu bersaing saing di peringkat antarabangsa. Pergeseran kepimpinan di dalam persatuan harus dielakkan sebaliknya pemimpin persatuan-persatuan sukan perlu bersikap profesional dan ikhlas dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Saya tahu masih ada lagi persatuan-persatuan sukan yang mengharapkan bantuan sepenuhnya daripada kerajaan kerana saya juga pernah menjadi Menteri Belia dan Sukan dahulu, dari tahun 1995 hingga 1999. Tetapi saya harap mereka dapat bangkit, bergerak aktif mencari dana menerusi penajaan selain membangunkan sukan masing-masing secara lebih efisien dengan program pembangunan yang jitu dan komprehensif. Saya benar-benar berharap pemimpin-pemimpin sukan tempatan akan dapat menyahut cabaran ini dan dapat meningkatkan sukan tanah air ke satu tahap yang lebih tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Tahun 2013 menyaksikan atlet kita banyak menempa kejayaan tetapi saya berharap atlet negara tidak akan cepat berpuashati sebaliknya dapat mengekalkan momentum untuk terus mencipta lebih banyak kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan. Pelbagai ganjaran dan habuan wang tunai

yang dijanjikan hasil kejayaan sepatutnya bukan menjadi fokus dan tujuan utama atlet tetapi ciptalah kejayaan berkenaan untuk merasai kepuasan selaku juara, kepuasan kerana dapat menyumbang kepada ibu pertiwi mendengar lagu negaraku bergema ketika berdiri di atas podium dan lebih utama, kerana kamu semua cintakan sukan yang anda ceburi. Pada malam ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua atlet sedemikian, yang telah berjaya mengharumkan nama negara sepanjang tahun 2013 lalu. Kepada para atlet, pasukan, jurulatih dan para pemimpin yang memenangi anugerah-anugerah pada malam ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana mengundang saya, untuk menobatkan olahragawan dan olahragawati negara bagi tahun 2013. Ribuan terima kasih juga kepada barisan panel jawatankuasa pemilihan anugerah yang memutuskan pemenang-pemenang kali ini serta Kementerian Belia dan Sukan kerana dapat mengelolakan majlis ini dalam suasana meriah sebagai pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada semua atlet, jurulatih serta pegawai sukan kita. Saya berharap sukan kita akan terus berkembang, sekaligus akan mencipta lebih banyak lagi kejayaan selepas ini.

Sekian, terima kasih.